

NO.SOALAN : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 1.11.2017 (RABU)**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah rasional Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengenakan kompaun yang terlalu tinggi iaitu RM100,000 bagi setiap satu kesalahan pertama untuk pengarah syarikat yang lambat memfailkan notis bertulis bagi perubahan pegangan saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kegagalan memfailkan notis bertulis bagi sebarang perubahan pegangan saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan kesan serius terhadap keputusan atau perjalanan sesebuah syarikat disebabkan keputusan mungkin dibuat atau terpengaruh kepada maklumat yang tidak lengkap atau terkini.

Kesalahan berkenaan diklasifikasikan sebagai kesalahan korporat yang serius kerana mempunyai impak kepada kepentingan awam dan Akta Syarikat memperuntukkan penalti yang tinggi iaitu sehingga RM1 juta sekiranya disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

Berdasarkan kepada penerangan tersebut, jumlah kompaun yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi kesalahan berkenaan adalah wajar dan hanya merupakan pecahan kecil berbanding jumlah penalti maksimum yang ditetapkan oleh Akta Syarikat.